

Headline	Pengalaman luar biasa anak yatim		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	27 Jan 2013	Circulation	60,000
Section	Mahkamah	Readership	180,000
Page No	26	ArticleSize	788 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 4,334
Journalist	Roshlawaty Raih	PR Value	RM 13,002
Frequency	Daily		



ROSHLAWATY RAIH
roshlawaty@sinarharian.com.my

Pengalaman luar biasa anak yatim

S eramai 40 kanak-kanak dari tiga rumah anak yatim berpeluang menimba pengalaman berkhemah semalam di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) atas jemputan Majlis Perkyawuan Malaysia (MTC).

Kanak-kanak berumur antara 9 dan 16 tahun itu datang dari Rumah Amal Limpahan Kasih, Pusat Jagaan Baitul Hidayah di Puchong, dan Rumah K.I.D.S. di Subang Jaya.

Mereka menghabiskan baki cuti sekolah dengan menyertai aktiviti dua hari di Kem Perah yang mendedahkan kepada persekitaran luar dan kehijauan alam semula jadi.



Suria (depan) memberi keterangan maklumat berkenaan pengurusan hutan lestari kepada peserta yang hadir.

Oleh sebab perkhemahan itu adalah kali pertama bagi kebanyakan kanak-kanak, aktiviti bermula dengan ranger FRIM mengajar mereka bagaimana memasang khemah sendiri sebelum memulakan perjalanan menyusuri hutan untuk ke Titian Silara FRIM yang termasyhur.


Ranger FRIM menggunakan kesempatan itu untuk mendidik mereka tentang pelbagai pokok dan tumbuhan yang dilihat sepanjang laluan.

Perjalanan yang mencabar sejauh 500 meter untuk sampai ke Titian Silara benar-benar menguji semangat dan keberanian kanak-kanak yang tidak gentar meyeberang jambatan gantung sepanjang 200 meter setinggi kira-kira 30 meter di atas paras bumi. Mereka berhenti seketika antara platform untuk menikmati pemandangan indah latar langit Kuala Lumpur.

Selepas meyeberang jambatan gantung yang tinggi di atas pokok, mereka kembali ke Kem Perah untuk menyahut cabaran perlumbaan berhalangan yang menguji daya ketahanan, keupayaan, kerjasama berpasukan dan kebijaksaraan.

Pada petang yang sama, Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi dan Pelaburan MTC, Suria Zainal, memberi penerangan kepada mereka tentang dasar pengurusan hutan lestari Malaysia, termasuk pemuliharaan dan pengurusan rapi alam sekitar dan sumber asli negara.

Beliau menyifatkan aktiviti perkhemahan sebagai satu pengalaman pembelajaran untuk mendedahkan kanak-kanak kepada sumber-sumber



aslil negara dan mendidik mereka tentang pentingnya pemuliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber hutan secara bertanggungjawab.

"Hutan mempunyai banyak sumber yang kita gunakan dalam kehidupan setiap hari seperti kayu untuk perabot, surat khabar, buku dan kertas tisu. Ia juga bertindak sebagai habitat semula jadi bagi banyak spesies binatang."

"Itulah sebenarnya kita mestilah mengrusak hutan dengan berhati-hati untuk mengelakkan kepupusan spesies

Berkhemah
beri impak
positif pada
golongan ini

Peserta melalui
jambatan gantung
dengan penuh
debaran.

haiwan yang terancam atau menyebabkan kerrosakan kepada alam sekitar," jelas Suria.

Sementara itu, acara perkhemahan yang paling menarik ialah ekspedisi unik berjalan malam menyusuri hutan untuk melihat dunia misteri haiwan malam yang menakjubkan.

Perjalanan Berjalan Malam ditemani ranger FRIM sebagai pemandu menjadi lebih indah dengan bulan mengambang penuh, menerangi kegelapan malam.

Pencarian harta karun menjadi pilihan

Kesokannya, peserta tidak sabar untuk menyertai perlumbaan mencari harta karun yang merupakan acara kemuncak perkhemahan dua hari tersebut.

Mereka dipecahkan ke dalam kumpulan empat atau lima orang dan dikehendaki menyelesaikan teka-teki, berpaduan petunjuk kepada jawapan yang terdapat di sepanjang laluan yang disusuri mereka pada hari sebelumnya.

Tiga pasukan memenangi hadiah daripada MTC kerana menduduki tiga tempat teratas manakala selebihnya menerima suguhan berupa hamper berisikan barang keperluan.

Matthew Lee, 13, dari Rumah K.I.D.S. menyifatkan perkhemahan sebagai pengembalaan hebat dan berharap dilanjutkan untuk jangka waktu lebih lama. Pengalaman itu juga ternyata menggembirakan dua beradik kembar, Mohd Airel Ezani dan Mohd Airel Ezhar, 9, dari Pusat Jagaan Baitul Hidayah, yang seronok bermain di luar dan memerhatikan serangga hutan dalam habitat semula jadi mereka.

Mengulas mengenai perkhemahan itu, Suria berkata, ini kali kedua MTC menganjurkan perkhemahan untuk kanak-kanak kurang bernasib baik.

"Sayangnya mengalami perkhemahan itu, kami berharap untuk meneruskan usaha ini dan menggalakkan generasi sekarang menghargai dan mencintai alam persekitaran semula jadi kita," katanya.



Sebahagian peserta yang menyertai aktiviti perkhemahan di FRIM.